

**LAMPIRAN A**  
**(JKR 203D – Pind.1/2011)**

**KERAJAAN MALAYSIA**  
**JABATAN KERJA RAYA**

**SURAT SETUJUTERIMA TENDER**

Rujukan: .....  
.....  
.....

Pejabat: .....

Tarikh: .....

Kepada:  
.....  
.....  
.....

(Kontraktor)

**(Berdaftar dengan PKK dalam Kelas "     "  
Bertaraf Bumiputra/Bukan Bumiputra\*)**

Tuan,

**Tender untuk .....**  
.....

---

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Tender tuan bagi kerja-kerja tersebut di atas berharga Ringgit: ..... iaitu RM ..... disetujuterima, tertakluk kepada had, syarat dan perjanjian dalam Dokumen Tender yang menjadi asas Tender ini dan juga had serta syarat yang dinyatakan di dalam surat ini.

2. Tuan dikehendaki melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal dalam sedikit masa lagi. Bagaimanapun, sehinggalah Perjanjian Kontrak yang formal itu dilaksanakan, Tender tuan berserta Surat Setujuterima Tender ini akan menjadi kontrak yang sah mengikat di antara tuan dan Kerajaan .

3. Bersama surat ini dikembarkan pelarasan harga dan kadar harga dalam Jadual Kadar Harga dan/atau Ringkasan Tender atau Senarai Kuantiti, mengikut yang mana berkenaan, setelah diteliti dan diselaraskan oleh Kerajaan tentang kemunasabahannya menurut klausu 26.2 syarat-syarat kontrak, yang mana akan menjadi sebahagian daripada terma-terma kontrak. Untuk makluman tuan, Jumlah Harga Kontrak seperti di atas adalah kekal dan tidak berubah.

---

\*Batalkan yang mana tidak berkenaan

4. Tuan dikehendaki menyatakan pilihan kaedah Bon Pelaksanaan sama ada:-
- (i) Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan); atau
  - (ii) Jaminan Syarikat Kewangan; atau
  - (iii) Jaminan Insurans/Takaful; atau
  - (iv) Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) Jumlah Harga Kontrak.

5. Sekiranya tuan memilih kaedah di para 4(i), 4(ii) atau 4(iii), tuan hendaklah menyerahkan Bon Pelaksanaan bernilai RM ..... dan jikalau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Kerajaan berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan.

6. Tarikh milik tapak bina, seperti yang disebutkan dalam Syarat-syarat Kontrak, ialah pada..... Walau bagaimanapun, tuan hanya boleh memulakan kerja setelah tuan menyerahkan kepada Pegawai Penguasa perkara-perkara berikut:-

- (a) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) nilai insurans tidak kurang daripada RM.....
- (b) Polisi Insurans Kerja: RM.....
- (c) Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

Walau bagaimanapun, bagi memulakan kerja-kerja dan bukan maksud lain, tuan boleh menyerahkan Nota-nota Liputan bagi maksud polisi-polisi insurans tersebut dan resit-resit premium yang telah dibayar itu kepada Pegawai Penguasa. Tuan dikehendaki menyerahkan Polisi-polisi Insurans yang berkenaan (jika belum diserahkan) menurut perenggan 6 di atas, dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota-nota Liputan diserahkan.

7. Kegagalan tuan memulakan kerja dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak akan mengakibatkan pengambilan kerja tuan di bawah kontrak ditamatkan sejajar dengan Fasal 51.1(a)(i) Syarat-syarat Kontrak.

8. Pihak tuan juga dikehendaki untuk mengemukakan senarai nama-nama subkontraktor berserta pengalamannya dengan menyatakan bahagian-bahagian kerja yang terlibat kepada Pegawai Penguasa sebelum memulakan kerja di tapak bina untuk kelulusan. Sejajar dengan klausula 47.1 Syarat-syarat kontrak PWD 203/203A (Rev.2007/Rev.1/2010) tuan tidak boleh mengsub-kontrakkan keseluruhan kerja ataupun sebahagian tanpa kelulusan Pegawai Penguasa terlebih dahulu. Sekiranya Pegawai Penguasa meluluskan permohonan tuan untuk mengsub-kontrakkan sebahagian kerja atau keseluruhan kerja, kelulusan tersebut adalah tertakluk kepada kontraktor mengikat perjanjian penyerahan hak (*Deed of Assignment*) dengan subkontraktor terlebih dahulu.

9. Pihak tuan juga dikehendaki untuk mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti yang dikepulkan kepada surat ini dan hendaklah mengembalikannya berserta dengan Surat Setujuterima Tender yang ditandatangani oleh pihak tuan kepada pejabat ini. Surat Akuan Pembida Berjaya tersebut, setelah ditandatangani akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

10. Berdasarkan kepada Tempoh Siap Kerja yang ditenderkan selama ..... hari/minggu/bulan\*, Tarikh Siap untuk seluruh kerja-kerja di bawah kontrak ini ialah .....

11. Surat ini dihantar kepada tuan dalam dua (2) salinan. Sila nyatakan persetujuan tuan dengan mengembalikan salinan asal, yang telah ditandatangani oleh tuan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat ini.

.....  
(Tandatangan Pegawai)

Nama Penuh:.....

Nama Jawatan:.....

Untuk dan bagi pihak Kerajaan.

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini bersetuju dengan syarat-syarat di atas termasuk pelarasan harga dan kadar harga dalam Jadual Kadar Harga dan/atau Ringkasan Tender atau Senarai Kuantiti, mengikut yang mana berkenaan; dan mengaku penerimaan surat di atas dan salinannya telah disimpan.

.....  
Tandatangan Kontraktor

.....  
Tandatangan Saksi

Nama Penuh: .....

Nama Penuh: .....

Atas Sifat:.....

Nama Jawatan: .....

Alamat:.....

diberikan dengan sempurna untuk  
menandatangani untuk dan bagi pihak:

.....

.....  
Meterai atau Cop Kontraktor

Tarikh: .....

Tarikh: .....

\*Batalkan yang mana tidak berkenaan

s. k.

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kewangan,  
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan.

Ketua Penolong Setiausaha,  
Cawangan Pembangunan Usahawan Negeri.....,  
Kementerian Kerja Raya.

Akauntan Perbendaharaan

Pengarah,  
Cawangan Pengurusan Korporat,  
Ibu Pejabat JKR,  
Kuala Lumpur.

Pengarah Cawangan.....  
Ibu Pejabat JKR,  
Kuala Lumpur.

Pengarah,  
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan,  
Ibu Pejabat JKR,  
Kuala Lumpur.  
(u.p: Urusetia Tender)

Pengarah JKR,  
Negeri .....

Pengarah,  
Pusat Khidmat Kontraktor,  
Kementerian Kerja Raya.

Ketua Eksekutif,  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Penolong Pengarah Kanan,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri.  
Cawangan Negeri .....